

TULISAN MELAYU TERDUGA!

Tulisan Melayu yang telah berusia lima ratus tahun semenjak orang Melayu memeluk agama Islam dahulu, pada masa yang akhir ini mulai terduga oleh beberapa rancangan yang pada akhirnya hendak memajukan bahasa Melayu tetapi pada hakikatnya hendak meruntuhkan saki baki kebudayaan Melayu, yang kebanyakannya telah pun runtuh – diruntuhkan oleh orang-orang kita sendiri!

(oleh: Seri Lanang)

-----*-----*-----

Rancangan lima tahun yang akan dijalankan di sekolah-sekolah Melayu Singapura yang telah dipersetujui oleh pihak perancang adalah mengandungi beberapa perkara yang patut difikirkan oleh orang Melayu dengan teliti.

(1)– Tulisan Melayu menurut rancangan itu tidak akan diajar kepada murid-murid darjah-darjah satu, dua dan tiga. Segala perkara yang akan diajar dalam tiga darjah ini semata-mata menggunakan tulisan Rumi.

(2)– Setelah meningkat ke darjah empat maka murid-murid akan diajarkan bahasa Inggeris di samping bahasa Melayu dan pada masa itu baharu diajarkan tulisan Melayu.

Rancangan memansuhkan tulisan Melayu dalam darjah-darjah satu, dua dan tiga seperti yang disebut itu adalah satu paluan kepada persuratan Melayu dengan suatu helah yang halus, yang kononnya murid-murid dalam ketiga-tiga darjah tersebut tidak tahan untuk mereka menerima pelajaran dengan dua jenis tulisan. Alasan ini tidak betul dan berlawanan dengan apa yang telah berlaku:

Pertama – berpuluh-puluh tahun semenjak tulisan Rumi mula diajarkan dalam sekolah-sekolah Melayu, beratus-ratus ribu murid-murid yang telah lulus dalam dua-dua tulisan itu sehingga ada di antara mereka dapat menduduki bangku-bangku pelajaran di maktab-maktab Melayu Melaka dan Tanjung Malim – tegasnya sehingga mereka dapat menjadi guru-guru yang mengajar di sekolah-sekolah Melayu.

Kedua – guru-guru Melayu di tanah Melayu tidak pernah kedengaran mengatakan soal dua tulisan ini suatu perkara yang rumit.

Adakah agaknya guru-guru Melayu Singapura kerana hendak

meringankan tanggungannya lalu bersetuju dengan rancangan lima tahun itu yang tak dapat disangkal akan merosakkan persuratan Melayu?

Soal memulakan pelajaran tulisan Melayu dari darjah empat, ini pun menjadi tanda tanya juga. Bagaimana cara mengajarnya tidak diumumkan. Adakah akan dijadikan suatu perkara yang diajar hari-hari atau hanya seminggu sekali?

Jika demikian corak dan riak kelibatnya, boleh ditelah setinggi-tingginya akan diajar dua kali seminggu. Maklumlah masa itu sedang heboh dengan pelajaran bahasa Inggeris yang dipandang lebih penting, dan dengan itu tulisan Melayu yang telah diketepikan dari mulanya akan diajar dengan sambil lewa sahaja!

Kalau telahan kita ini tidak menepati, jelasnya tulisan itu akan dijadikan pelajaran hari-hari, kita percaya itu hanya buat mengaburi mata orang Melayu bagi sementara, kerana harus lima tahun dibelakang akan timbul suatu rancangan lima tahun lagi yang akan merancang supaya tulisan Melayu itu dihapuskan dari sekolah-sekolah Melayu. Fikiran beracun yang sedemikian ini telah pun tersiar di akhbar baru-baru ini.

Dalam tulisannya membela rancangan lima tahun yang akan dijalankan itu, seorang penulis telah mengatakan, kalau pun tulisan Jawi (yang betulnya tulisan Melayu) itu terhapus dari sekolah-sekolah Melayu, tidak akan merosakkan kebudayaan Melayu!

Alangkah jahil penulis ini!

Tulisan Melayu (huruf Arab) telah dipakai oleh orang

Melayu semenjak mereka memeluk agama Islam lima ratus tahun yang lalu. Orang Melayu telah menerimanya sebagaimana mereka menerima agama Islam dengan hati yang terbuka kerana sesuai dengan jiwa mereka. Kandungannya pun berlainan daripada kedatangan tulisan Rumi. Tersiernya tulisan Melayu ke Tanah Melayu bahkan ke seluruh pelosok-pelosok Melayu ialah melalui penyair-penyair agama Islam dan saudagar-saudagar yang datang dari benua Hindi dan tanah Arab, sedang tulisan Rumi tersiernya dalam zaman penjajahan – dalam zaman kejatuhan kebesaran kerajaan Melayu yang belum bangun-bangunnya hingga hari ini!

Kerajaan Melayu yang telah memuncak kebesarannya di Melaka dahulu dan yang telah mempunyai perhubungan hingga ke negeri China, apa tulisan surat menyuratnya?

Hikayat Amir Hamzah dan pelbagai cerita-cerita dan persuratan yang telah dikarang, diterjemah dan dibaca oleh orang-orang Melayu pada masa itu, dengan tulisan apa agaknya?

Beribu-ribu jenis buku-buku sejarah, ilmu pengetahuan, syair gurindam, pantun, seloka yang telah dibeli dan dikumpulkan oleh Sir Stamford Raffles dan yang telah habis punah dimakan anai, dengan tulisan apa agaknya?

Kesemuanya sudah tetap dengan tulisan Melayu huruf Arab!

Segala hasil yang dibentangkan ini bukan kebudayaan namanya? Sdakah adat-adat jahiliah dan pesaka bekas peninggalan agama Hindu itu sahaja yang dipandang menjadi kebudayaan Melayu??

* * * *

Lain pula tulisan sebuah majalah keluaran Singapura.

Dalam rencana suara pemimpinya, majalah itu menyeru :
“Dalam perkara tulisan Rumi ini kita suka membawa perhatian kepada badan-badan persuratan untuk difikirkan bersama. Mengikut pendapat kita selagi tulisan Rumi tidak dijadikan tulisan rasmi bahasa Melayu, kita percaya persuratan Melayu tidak dapat kembang biak, hidup maju, kerana lingkungan yang membaca, atau mengetahui tidak lebih dari ramainya penduduk tanah Melayu yang kira-kira tiga juta ini....”

Katanya lagi: “...dari itu putaran kemajuan bahasa dan perpustakaan Melayu hanya di antara kita, tidak dapat perhatian dari luar, dari itu sampai bila pun persuratan Melayu tidak dapat hidup maju kerana disekat oleh tulisan.

Tetapi sekiranya tulisan Rumi menjadi tulisan rasmi Melayu maka di sini sudah jelas selain dari bangsa Melayu, sudah tentu bahasa Melayu di dalam tulisan Rumi itu boleh dibaca oleh bangsa Indonesia seramai 72 juta itu ditambah pula oleh bangsa asing yang ada di Tanah Melayu yang boleh mengerti bertutur Melayu akan turut membacanya pula....”

Kemudian majalah itu bertanya:

“Oleh kerana persuratan kita hidup dan maju serta dipandang tinggi di dalam lingkungan sempit itu sahaja?”

Segala alasannya yang dipeturunkan di sini walaupun indah dan kuat pada zahirnya tetapi apabila dikikis sedikit akan ketara lapuknya bahkan lebih rapuh daripada sarang labah-labah!

Sesungguhnya majalah itu telah terbebas tatkala mengatakan tulisan Rumi belum dirasmikan menjadi tulisan bahasa Melayu, pada hal telah dirasmikan oleh kerajaan semenjak berpuluh-puluh tahun dahulu.

(1) – Diajar serentak dengan tulisan Melayu di sekolah-sekolah Melayu.

(2) – Buku-buku kedatangan, jadual mengajar dan dua pertiga daripada perkara-perkara yang diajar disekolah-sekolah Melayu semuanya memakai tulisan Rumi.

(3) – Jabatan Polis (bahagian Melayu yang tidak berpengetahuan Inggeris) segala tulisan menulis dengan Rumi, dan banyak lagi tidak terhitung.

Habisnya masyarakat dan dunia persuratan Melayu di Malaya tidak hargakan tulisan Rumi. Beberapa banyak majalah-majalah dan akhbar yang telah dikeluarkan dengan tulisan Rumi belum sempat meningkat umur setahun jagung, sudah nazak terus mati. Kenapa? – masyarakat tidak menghargakannya!

Pernahkah kedengaran tulisan Rumi mendapat sekatan? tidak. Langgannya sentiasa terbuka dengan seluas-luasnya.

Terbitkanlah buku-buku, majalah-majalah, dan akhbar-akhbar dengan huruf

Rumi, tidak ada sesiapa yang melarang, vuma ada penyakitnya

– tidak laku dan merugikan peterbitnya!

Tentang katanya, bahasa Melayu sekarang tidak mendapat perhatian dari luar kerana disekat oleh tulisan, adakah maksudnya kalau segala akhbar Melayu (Malaya) serentap memakai tulisan Rumi akan dapat dibaca oleh orang-orang Turki, Mesir dan Pakistan? Kalau kalimah “luar” itu maksudnya orang-orang Indonesia pula, itu pun tidak kena pada tempatnya.

Perhubungan Malaya-Indonesia tidak tersekat sama sekali dalam persuratan. Kita yang di sebelah sini mengerti dan faham tulisan Rumi Indonesia dan orang-orang Indonesia pula bukan sedikit yang mengerti dan faham tulisan Melayu huruf Arab seperti yang kita gunakan itu. Terutama penduduk-penduduk Aceh, Medan, Minangkabau, Palembang, Jawa, Banjar dan lainnya.

Bukankah telah jelas sekarang bahawa majalah itu sengaja hendak membuat rebut, atau taufan di dalam cawan?

Sebenarnya, maju mundur sesuatu bahasa tidak tergantung kepada tulisannya, tetapi kepada kedaulatan dan kemerdekaan bangsa itu di tanah airnya sendiri!

Jepun telah mencapai setinggi-tinggi kemajuan dengan tulisan cakar ayamnya. Tatkala Jepun memerintah Malaya dahulu, sekalian penduduk berbuat-buat mempelajari bahasanya, kerana ialah bahasa pemerintah yang berkedaulatan yang telah menjadikan bahasanya hidup, maju dan memberi faedah kepada bangsa asing yang mempelajarinya. Tidak pula Jepun menukarkan huruf kata-katanya dengan huruf Rumi!

Demikian juga bahasa Melayu akan hidup dan maju setelah bangsa Melayu dapat menjadikan dirinya suatu bangsa yang merdeka dan berdaulat di tanah airnya sendiri. Pada ketika itu segala bangsa asing penduduk Malaya yang menjadi rakyat Melayu atau yang menumpang sahaja akan berbuat-buat mempelajari bahasa Melayu, sebagaimana mereka telah berbuat-buat mempelajari bahasa Inggeris, dan bahasa Jepun dahulu.

Pada masa itu juga segala tohmahan yang mengatakan tulisan Melayu (huruf Arab) itu menyekat dan menghalang kemajuan bahasa Melayu, sudah tentu akan tersampai suaranya!

BAHASA MELAYU

(oleh Musyfa')

Dalam majalah yang cemerlang ini (Qalam) yang lepas bilangan 15 telah saya sebutkan perihal seorang sahabat saya yang telah mengatakan bahawa menterjemahkan firman-firman Allah di dalam Al-Quran Al-Karim dan hadis-hadis Nabi atau risalah-risalah agama Islam, tidak boleh diubah-ubah makna perkataan-perkataan Arab satu persatunya itu ke bahasa Melayu, maka di sini sebagai melanjutkan lagi perkataan-perkataan atau maksud-maksud saya yang sudah-sudah itu bahawa tentang-tentangnyanya mestilah diubah makna barang sesuatu perkataan Arab itu ke perkataan Melayu walaupun berlainan ertinya akan tetapi maksudnya hendaklah betul dan memberi faham yang sebenar-benarnya.

Maka sekarang jika sekiranya saya turut jugalah sebagaimana kehendak petua sahabat saya ini nescaya tidaklah saya salah menterjemahkan firman Tuhan:- “ar’rijalu qauwamuna alal nisaa” itu begini – lelaki semuanya berdiri di atas perempuan, akan tetapi tentulah ini tidak betul pada maksudnya yang sebenar di sisi orang-orang Melayu yang bukan alim ulama atau mereka yang tiada tau bahasa Arab dan boleh jadi setengah daripada mereka itu kelak tertawakan terjemahan saya itu dan ada pula kelak bertanya tentang atas manakah pihak tubuh perempuan itu, lelaki berdiri – di atas perut, atau dada, atau kepala perempuan itukah? Pada halnya perkataan Arab “qauwamu” itu boleh diubah dan diganti dengan perkataan Melayu “kuasa” yakni berkuasa lelaki di atas perempuan, atau lelaki berhak kuasa memerintah dan menegah perempuan menurut hukum agama Islam.

Selain daripada yang di atas ini pula yang lebih lagi salah, iaitu sepatah perkataan Arab yang lain sememang telah tetap dan betul ertinya, telah sekarang diubah dengan sepatah perkataan Arab yang lain yang sangat berlainan sebutannya dan berlainan pula ertinya maka perbezaannya itu bolehlah dimisalkan seperti